

# SP Group labur \$30j dalam inisiatif penyelidikan dan pendidikan bersama NTU

PENGENDALI grid elektrik nasional SP Group telah menyetujui \$20 juta untuk melancarkan makmal bersama dengan Universiti Teknologi Nanyang (NTU) dan memberi sumbangan \$10 juta untuk menubuhkan dua dana endowment.

Makmal itu, yang terletak di NTU, akan memberi tumpuan kepada projek berkaitan tenaga dalam bidang urusan aset dan operasi rangkaian.

Apabila siap pada 2021, makmal itu akan menempatkan 60 penyelidik, 85 mahasiswa dan pelajar possiswazah, dan berperanan sebagai platform latihan bagi jurutera SP Group.

Kolaborasi \$30 juta itu akan “mempertingkatkan daya tahan rangkaian elektrik Singapura, mempertingkatkan keandalannya dan keberkesanan bekalan elektrik dibekalkan kepada pengguna dan memupuk pakar bagi sektor tenaga,” kata SP Group dan NTU dalam kenyataan bersama semalam.

Satu dana endowment itu, Dana Jawatan Profesor SP Group, akan memberi sokongan kepada dua anggota fakulti cemerlang dalam penyelidikan dan biasiswa.

Dana kedua bertujuan memberi sokongan kepada saintis dan jurutera penyelidikan pada awal kerjaya mereka dalam bidang tenaga dan sistem kuasa.

Penerima kededua dana akan memberi sumbangan kepada penyelidikan yang dilakukan di makmal itu, kata kenyataan itu.

Menteri Kedua Perdagangan dan Perusahaan Dr Tan See Leng berkata:

“Singapura mempunyai antara rangkaian elektrik yang paling andal di dunia. Kita perlu terus membangun dan mempertingkatkan keupayaan setempat bagi persediaan masa depan.

“Kerjasama antara NTU dan SP Group ini akan memberi rangsangan kepada daya tahan rangkaian kita dan membangun huraiannya inovatif yang boleh memenuhi keperluan tenaga di masa depan,” kata Dr Tan.

Makmal baru itu akan diperluaskan dengan teknologi kecerdasan buatan dan pembelajaran mesin supaya penyelidik boleh menganalisis dan memantau aset SP Group dalam masa sebenar.

Ini membolehkan mereka meramalkan masalah yang boleh dihadapi rangkaian itu di masa hadapan, sebelum ia berlaku.

Buat masa ini, teknik pemantauan yang ada hanya boleh dilaksanakan pada skala lebih kecil dalam rangkaian penyaluran tenaga, tetapi makmal baru itu membenarkan SP Group dan penyelidik NTU untuk membuat rekaan dan membangun sistem berkesan dari segi kos dan yang boleh diperluas menggunakan teknologi.